



Strategi penjenamaan semula Lata Tembakah sebagai destinasi pelancongan

Farah Elisha Mohd Adnand, Rosniza Aznie Che Rose

Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial & Persekutaran (SEEDS)
Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Rosniza Aznie Che Rose (email: aznie@ukm.edu.my)

Received: 14 April 2020; Accepted: 25 December 2020; Published: 27 August 2021

Abstract

Hutan lipur Malaysia berperanan penting menarik kedatangan pengunjung. Kepelbagaian biodiversiti flora dan fauna merupakan kunci utama kedatangan pengunjung. Ia mampu memberikan kepuasan kepada pengunjung. Walaubagaimanapun, destinasi tersebut haruslah mempunyai frasarana yang baik dan memuaskan. Pengurusan yang baik mampu menjamin kedatangan pengunjung secara berterusan. Semua kerosakan frasarana awam seperti kemudahan papan tanda yang, tandas awam, dan ruang persalinan pakaian menjadi kunci utama kepada kunjungan kali kedua dan seterusnya. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dengan instrument borang soal selidik terhadap 130 pengunjung yang pernah datang ke Lata Tembakah. Fokus kajian ialah terhadap faktor keunikan, mengkaji kemerosoton jumlah pengunjung dan mencadangkan langkah pengurusan strategik bagi pemuliharaan kedatangan pengunjung ke hutan lipur Lata Tembakah. Kepentingan kajian pelbagai merangkumi pelbagai pihak sama ada pemegang taruh, pengunjung dan penduduk tempatan yang tinggal berhampiran. Kajian ini secara keseluruhan berjaya menjelaskan pelbagai Tindakan pengurusan strategik yang dijangka mampu memuliharkan ekonomi pelancongan di destinasi kajian pada masa hadapan.

Kata kunci: ekopelancongan, hutan lipur, pelancongan, pengunjung, rekreasi

The rebranding strategy for Lata Tembakah as tourist attraction destination

Abstract

Malaysia's recreational forest plays an important role in attracting visitors. The biodiversity of flora and fauna is the main key to attract the visitors. It can provide satisfaction to visitors. However, the destination must have good and satisfactory facilities. Good management can ensure the constant arrival of visitors. All damage to public facilities such as signage facilities, public toilets, and locker rooms is key to second and subsequent visits. This study is a quantitative study

with a questionnaire instrument from 130 visitors who have come to Lata Tembakah. The focus of the study is on the uniqueness factor, studying the decline in the number of visitors and proposing strategic management measures for the recovery of visitors to Lata Tembakah recreational forest. The importance of a multidisciplinary study covers various parties whether stakeholders, visitors and locals living nearby. This study successfully explains the various strategic management actions that are expected to be able to revive the tourism economy at future study destinations.

Keyword: ecotourism, recreational forest, tourism, visitors, recreation

Pengenalan

Hutan lipur memainkan peranan yang penting, menjadi tarikan kepada pengunjung dan pelancong untuk datang ke Malaysia bagi menikmati keindahan semulajadi flora dan fauna. Reka bentuk landskap yang unik dan menarik di tambah dengan kehijauan semulajadi dan kejernihan air di sekitar kawasan memenuhi keperluan sebagai kawasan rekreasi di Malaysia. Penggunaan hutan lipur sebagai destinasi rekreasi di Malaysia telah berkembang sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Menurut Er et al. (2012) pada tahun 2000, berlakunya peningkatan pelancong warga asing ke Malaysia seramai 4.06 juta berbanding tahun sebelumnya iaitu 2.72 juta pada tahun 1999. Malah, kemasukan pelancong warga asing ke Malaysia saban hari semakin meningkat. Sektor pelancongan negara Malaysia telah mencatatkan perkembangan yang sangat positif di mana pada tahun 2019 mencatatkan seramai 10.95 juta pelancong warga asing ke Malaysia bagi tempoh Mei 2019 berbanding dengan tahun sebelumnya iaitu 10.45 juta pada tahun 2018 (Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia 2019). Hal ini demikian kerana hutan lipur di Malaysia mempunyai keunikan tersendiri. Menurut Hamdi et al. (2019) hutan lipur di Malaysia mempunyai reka bentuk semula jadi, keindahan alam semulajadi atau sumber pemandangan yang mampu menarik pengunjung untuk melihat keindahan semulajadi tersebut.

Keindahan semulajadi ini memenuhi keperluan rekreasi dan ekopelancongan. Ekopelancongan adalah tindakan perjalanan atau melawat kawasan semula jadi tanpa mengganggu atau mencemari ekosistem (Jabil et al., 2015). Bahkan, sokongan tersebut oleh pihak kerajaan telah terbukti melalui penubuhan hutan lipur di dalam kawasan hutan simpan yang selaras dengan Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992). Ia bertujuan untuk mengekalkan sejumlah kawasan yang mencukupi sebagai kawasan rekreasi dan untuk kesedaran masyarakat mengenai perhutanan. Maka, menyahut seruan kerajaan, Negeri Terengganu telah menjadi salah sebuah negeri yang memenuhi keperluan sebagai kawasan rekreasi tersebut.

Kawasan semulajadi di negeri Terengganu turut mempunyai kawasan rekreasi yang terletak dalam hutan simpanan kekal (HSK). Hutan simpanan kekal ini salah satunya bertujuan memenuhi keperluan sebagai kawasan rekreasi. Hal ini demikian kerana hutan simpanan kekal ini boleh dijadikan sebagai kawasan rekreasi yang boleh dimanfaatkan oleh orang ramai sama ada pengunjung dalam negara maupun pengunjung di luar negara. Contoh hutan simpanan kekal ialah hutan lipur Air Menderu, hutan lipur Lata Payung, hutan lipur Sekayu, hutan lipur Kerteh, hutan lipur Chenerong dan hutan lipur Rasau (Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu 2018). Tidak ketinggalan juga hutan lipur Lata Tembakah, Besut ini merupakan salah satu tarikan yang terdapat di daerah Besut.

Malah pengunjung yang datang secara berterusan mampu menjadikan kawasan tersebut terkenal semula akibat daripada keindahan yang dimiliki. Walau bagaimanapun, jumlah pengunjung yang datang ke hutan lipur Lata Tembakah semakin berkurang saban tahun walhal kawasan ini merupakan kawasan tarikan pelancong. Kekurangan pengunjung ke kawasan ini kerana banyak berlakunya masalah. Sebagai contoh masalah papan tanda yang rosak, masalah tandas awam yang kotor dan tempat persalinan pakaian yang tidak selesa. Hal ini menyebabkan berlakunya kerugian yang sangat besar di kawasan tersebut ekoran kawasan tersebut merupakan kawasan yang kaya dengan suasana flora dan faunanya. Malahan keindahan semulajadi di kawasan tersebut menjadi tarikan utama. Kekurangan bilangan pengunjung yang datang menjadikan kawasan tersebut lebih suram dari kebiasaannya. Memandangkan situasi yang berlaku dan kurang kajian dijalankan oleh itu kajian secara terperinci amat diperlukan.

Kajian ini dijalankan kerana menunjukkan terdapat keperluan penambahbaikan hutan hutan lipur Lata Tembakah, Besut sebagai tumpuan semula. Hal ini demikian kerana kawasan tersebut mempunyai keunikan hutan tersendiri yang mampu meningkatkan pengunjung dan pelancong datang untuk melihat keindahan alam semulajadi dan reka bentuk landskap yang unik dengan kehijauan tumbuhan menjadikan kawasan tersebut lebih menarik. Oleh itu kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti langkah sebagai usaha menjadikan hutan lipur Lata Tembakah, Besut sebagai tumpuan semula. Bagi menjalankan kajian ini terdapat beberapa objektif yang ingin dicapai antaranya ialah menfokuskan mengenai faktor keunikan kawasan kajian, mengkaji kemerosotan jumlah pengunjung di hutan lipur Lata Tembakah dan mencadangkan langkah bagi menarik semula pengunjung ke kawasan tersebut.

Kajian literatur

Hutan lipur (HL) ialah merupakan kawasan dalam Hutan Simpan Kerajaan (HSK) digunakan bagi tujuan menjalankan aktiviti rekreasi seperti beristirehat, bersukan, menjalankan penyelidikan dan pendidikan serta memelihara flora dan fauna (Roslan Ariffin, 2014). Dasar Perhutanan Negara 1978 (pindaan 1992) mengisyiharkan untuk mengekalkan sejumlah kawasan dalam HSK yang mencukupi untuk diuruskan sebagai HL untuk dijadikan tempat rekreasi, ekopelancongan dan untuk menambah kesedaran masyarakat mengenai perhutanan. Menurut Ahmad Tharmizie et al. (2010), HL adalah kawasan hutan yang dikhaskan untuk dibangunkan sebagai kawasan peranginan yang terbuka kepada umum untuk tujuan berehat, berkelah, beriadah, berkhemah dan sebagainya. Perkhemahan juga adalah sebahagian kehidupan orang ramai dalam melakukan rekreasi (Kharchenko et al., 2018) Selain itu juga, HL merupakan satu daripada pelancongan yang berasaskan ekologi yang dapat mewujudkan kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan hutan.

Peranan HL memainkan peranan yang penting. Hutan lipur merupakan satu daripada produk pelancongan yang berasaskan ekologi yang dapat mewujudkan kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan hutan. Suasana semulajadi di kawasan hutan dapat mengurangkan tekanan (Li et al., 2008; Plante et al., 2007; Shanahan et al., 2016) dan kebanyakan kawasan yang dikaji mempunyai kawasan hijau, biasanya

taman buatan manusia atau hutan rekreatif dapat menyokong pemuliharaan (Ojala et al., 2019; Simkin et al., 2020). Sejak berkurun lamanya hutan asli menyumbangkan pelbagai peranan penting dari segi menyeimbangkan suhu, kawasan tahanan air, mengawal hakisan dan banjir, mengurangkan kelajuan angin dan sebagainya (Wahida Ayob, 2006). Malah penggunaan rekreatif kawasan HL sering merupakan pemicu penting aktiviti ekonomi tempatan dan perniagaan tempatan (Ellison et al., 2018). Bahkan HL turut memainkan peranan penting dalam keseimbangan iklim.

Selain itu, HL ini mampu memenuhi keinginan emosi pengunjung dan pelancong. Menurut Askew et al. (2017), faktor pendorong rekreatif seseorang adalah unsur yang menggalakkan seseorang melakukan lawatan rekreatif di HL untuk memenuhi keinginan emosi. Sebagai contoh menghabiskan masa bersama keluarga atau rakan, mencari kegembiraan aktiviti yang mencabar, meneroka kesendirian di kawasan gunung atau menikmati ketenangan alam pemandangan. Kepuasan dalam rekreatif bergantung kepada seseorang dalam mengandalikan masa, wang dan rancangan untuk menjalankan rekreatif dengan harapan bahawa motivasinya akan dipenuhi (Askew et al., 2017). Kepuasan keinginan emosi dalam rekreatif di HL mampu menjadikan seseorang lebih seronok. Jika hasil rekreatif berada di bawah jangkaan maka pengunjung merasa tidak puas hati berbeza dengan seseorang yang merasai keseronokan dalam menjalankan rekreatif.

Keunikan hutan lipur

Hutan lipur merupakan salah satu tarikan yang terdapat di Malaysia kerana mempunyai sumber asli yang memainkan peranan penting dalam keseimbangan ekosistem. Flora dan fauna, fizikal landskap dan keindahan semulajadi menjadikan tarikan kepada pelancong atau pengunjung untuk melihat keindahan tersebut (Shaharudin & Ismail, 2002). Selain berkelah, hutan lipur dapat meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan (Mhache, 2019).

Selaras dengan Dasar Perhutanan Negara 1978 (pindaan 1992) banyak program yang telah di rancang bagi memperkenalkan fungsi hutan kepada masyarakat. Sebagai contoh program perhutanan masyarakat adalah salah satu usaha kerajaan untuk melibatkan orang awam dalam usaha mengekalkan kawasan perhutanan dengan cara menjadikan kawasan tersebut sebagai kawasan rekreatif (Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, 2016). Sejajar dengan tahap pembangunan negara serta peningkatan taraf hidup masyarakat, HL turut memainkan peranan penting dalam pembangunan sektor ekopelancongan. Kemudahan infrastruktur di kawasan HL dapat menarik pengunjung tempatan dan luar negara. Kemudahan infrastruktur di hutan lipur Lata Jarum menjadikan kawasan tersebut menjadi tarikan, malah ditambah lagi keunikan yang terdapat di kawasan tersebut seperti kawasan perkelahan air terjun, bunga pakma, perkhemahan dan aktiviti *jungle trekking* (Er Ah Choy et al., 2012).

Faktor kemerosotan jumlah pengunjung

Kemerosotan jumlah pengunjung disebabkan dua isu utama iaitu pembangunan dan pengurusan (Mohd Kher et al., 2013). Kedua-dua faktor tersebut mengalami kegagalan kerana kekurangan jumlah pengunjung dan tidak mendapat sokongan daripada masyarakat setempat. Hal ini demikian kerana kawasan tersebut hanya mementingkan keuntungan semata-mata dan pembangunan hanya mementingkan kaedah untuk mendapatkan sumber pendapatan berbanding memberikan kesedaran kepada orang ramai mengenai kepentingan hutan dan pemeliharaan persekitaran. Malah menurut

Gwalema (2019), kekurangan penyediaan barang dan perkhidmatan akan mengurangkan pelancong untuk datang melawat. Sebagai contoh pembinaan hostel, tapak perkhemahan, restoran dan pusat pelawat akan berdaya maju jika kemudahan tersebut disediakan dan lebih menarik minat pengunjung.

Selain itu, kemudahan yang tidak mencukupi akan mengurangkan jumlah pengunjung. Menurut Paula (2014), kemudahan berkelah dalam suatu taman rekreasi memerlukan kawasan yang disediakan dengan baik. Berdasarkan pendapat mereka terhadap bangku dan meja, tempat sampah dan kemudahan air bersih akan memberikan ketidakselesaan kepada pengunjung apabila kemudahan yang disediakan tidak diselenggara dengan baik. Hal ini secara tidak langsung akan memberikan kesan sampingan kepada pengunjung untuk datang beberapa kali ke kawasan tersebut.

Kawasan kajian dan Metodologi

Kawasan kajian iaitu hutan lipur Lata Tembakah, Besut telah menjadi pilihan disebabkan kawasan ini merupakan salah satu tempat rekreasi yang menjadi tumpuan utama pilihan keluarga, berehat, berkelah dan beristirehat. Keunikan yang terdapat di hutan lipur Lata Tembakah menjadi satu tarikan pengunjung untuk menjalankan aktiviti mereka di sana. Menyedari bahawa kawasan Lata Tembakah mempunyai pemandangan landskap yang menarik dengan kehijauan semulajadi dan kawasan ini sesuai untuk menjalankan pelbagai aktiviti yang menarik.


Latar belakang kawasan kajian

Hutan lipur ini merupakan hutan yang terkenal di Negeri Terengganu. Hutan lipur Lata Tembakah terletak di dalam kompartmen 47, 48, 58 dan 55 Hutan Simpan Pelagat. Sekitar pada tahun 1987 Lata Tembakah telah dimajukan dan Lata Tembakah adalah di bawah pengawasan Pejabat Perhutanan Negeri Terengganu dan di bawah unit rekreasi hutan lipur Lata Tembakah (HLLT). Lokasi letakan adalah pada $5^{\circ}33'31''$ U dan $102^{\circ}25'47''$ T. Hutan lipur Lata Tembakah terletak di dalam Hutan Simpan Pelagat yang merupakan hutan dipterokarpa bukit dan lokasi terletaknya hutan lipur Lata Tembakah ini di dalam daerah Besut berhampiran dengan kampung Jabi iaitu 25 kilometer dari bandar Jerteh di Terengganu, manakala jarak dari bandar Kuala Terengganu kira-kira 118 kilometer ke utara Kuala Terengganu dan boleh dilalui pelbagai jenis kenderaan (Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu 2018). Rajah 1 menunjukkan peta lokasi hutan lipur Lata Tembakah.

Kaedah pemilihan sampel

Kajian ini dilakukan menggunakan kaedah kuantitatif sebagai kaedah utama. Persampelan bertujuan telah digunakan kerana kajian ini sesuai dengan fokus penyelidikan yang ingin dilakukan iaitu melibatkan pengunjung yang pernah ke HLLT dan kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah deskriptif. Berdasarkan data yang diperolehi dari pengurus hutan lipur Lata Tembakah, jumlah populasi kemasukan pengunjung ke HLLT iaitu seramai 2604 orang (bulan Oktober) melibatkan pengunjung dalam negeri dan luar negeri. Kemasukan pengunjung ke HLLT ini dicatat oleh pengurus HLLT dengan merekodkan jumlah pengunjung yang datang bermula pintu masuk HLLT. Kekangan yang dihadapi oleh penyelidik iaitu faktor cuaca dan waktu

penutupan di kawasan kajian (November 2018 hingga Februari 2019) kerana ekoran cuaca dan banjir yang berlaku pada tempoh tersebut. Semenanjung pantai timur menerima musim tengkujuh atau monson timur laut dan HLLT terletak di kawasan semenanjung pantai timur ianya turut terkesan. Pengkaji mendapatkan maklumat kajian melalui penduduk yang tinggal di kawasan HLLT dan pengunjung yang pernah datang ke HLLT. Kaedah *Rules of Thumb* (Jadual 1) telah digunakan dalam menentukan saiz sampel yang akan digunakan iaitu seramai 130 orang responden dalam kalangan pengunjung yang pernah ke HLLT.



Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu

Rajah 1. Peta lokasi hutan lipur negeri Terengganu.

Jadual 1. Pengiraan saiz sampel Rules of Thumb

Pengiraan saiz sampel pengunjung

$$\begin{aligned}
 &= Nx \frac{Ps}{100} \\
 n &= 2604 \times \frac{5}{100} \\
 n &= 13020/100 \\
 n &= 130.2
 \end{aligned}$$

s = saiz sampel yang digunakan

N = Jumlah populasi

Ps = Peratus sample

Sumber: Van Belle & Milland (1998)

Dapatan kajian dan perbincangan

Bahagian ini menerangkan latar belakang responden, keunikan hutan lipur Lata Tembakah dan punca kemerosotan jumlah pengunjung ke hutan lipur Lata Tembakah, Besut. Perbincangan memberi fokus kepada keunikan hutan lipur Lata Tembakah yang menjadi daya tarikan pengunjung untuk menjalankan pelbagai aktiviti rekreasi di kawasan tersebut. Peringkat akhir perbincangan memperincikan punca berlakunya kemerosotan jumlah pengunjung ke hutan lipur Lata Tembakah.

Latar belakang responden

Kajian ini meliputi responden yang pernah mengunjung ke hutan lipur Lata Tembakah, Besut. Seramai 130 responden yang dipilih secara tidak rawak. Jadual 2 menunjukkan latar belakang responden. Ciri latar belakang responden meliputi kategori yang ditetapkan iaitu jantina, status, umur, bangsa, tempat tinggal, tahap pendidikan, pekerjaan, pendapatan isi rumah sebulan, jenis kenderaan yang digunakan dan jarak di antara rumah dengan kawasan hutan lipur Lata Tembakah.

Jadual 2. Data demografi responden.

Kategori	Subkategori	Pengunjung	
		Bilangan	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	65	50
	Perempuan	65	50
Status	Bujang	88	67.7
	Berkahwin	42	32.3
Kumpulan	20 ke bawah	60	46.2
	21 – 30	34	26.2
Umur	31 – 40	14	10.8
	41 – 50	18	13.8
	51 tahun ke atas	4	3
	Melayu	130	100
Tempat Tinggal	Kampung	90	69.2
	Pekan	6	4.6
	Bandar	34	26.2
Tahap	SRP/PMR	36	27.7
	MCE/SPM	38	29.2
Pendidikan	STP/STPM	10	7.7
	Sijil	12	9.2
Tertinggi	Diploma	16	12.3
	Ijazah Sarjanamuda	18	13.9
Pekerjaan	Swasta	28	21.5
	Kerajaan	28	21.5
	Lain-lain	74	57
Pendapatan Isi rumah sebulan (RM)	1,000 dan ke bawah	22	16.9
	1001 – 2000	40	30.8
	2001 – 3000	36	27.7
	3001 – 4000	10	7.7
	4001 – 5000	18	13.9
5001 dan ke atas		4	3

Jenis kenderaan yang digunakan	Kereta Motosikal	78	60
Jarak di antara rumah dengan kawasan HLLT (KM)	5 dan ke bawah	44	33.8
	6 – 10	22	16.9
	11 – 15	32	24.6
	16 – 20	16	12.3
	21 – 25	44	33.8
	26 dan ke atas	7	5.4
		9	7

Sumber: Kajian Lapangan (2018)

Persepsi responden terhadap keunikan hutan lipur Lata Tembakah

Hutan lipur Lata Tembakah mempunyai daya tarikan sendiri antaranya ialah air terjun, hutan semula jadi, kejernihan airnya, suasana persekitaran yang aman, aktiviti mendaki bukit dan jambatan gantung. Majoriti responden bersetuju bahawa daya tarikan air terjun di hutan lipur Lata Tembakah merupakan satu tarikan di kawasan tersebut. Sebanyak 91.7 peratus setuju bahawa air terjun di kawasan HLLT mempunyai keindahan sendiri. Air terjun di kawasan HLLT ini mempunyai 7 tingkat (Tingkat 1 hingga tingkat 7) yang mampu menjadi tarikan kepada pengunjung apabila datang ke sini. Kawasan hutan semula jadi menjadikan kawasan ini menjadi tumpuan ramai. Kepelbagaiannya flora dan fauna, fizikal landscap dan yang paling utama merupakan sumber asli menjadikan kawasan tersebut menjadi pilihan kepada pengunjung. Hal ini demikian kerana dapat dibuktikan bahawa, berdasarkan kajian di lapangan peratus responden bagi daya tarikan hutan semula jadi ialah sebanyak 98.3 peratus mengatakan setuju dan tidak setuju pula sebanyak 1.7 peratus. Menurut Jabil et al. (2015), Malaysia kaya dengan sumber semulajadi seperti air terjun, kemudahan hutan dan gua. Daya tarikan ini berpotensi besar untuk dikembangkan.

Selain itu, kejernihan air menjadikan kawasan tersebut menjadi satu tarikan kepada pengunjung. Hal ini demikian kerana berdasarkan kajian di lapangan menunjukkan sebanyak 91.7 peratus responden bersetuju air lebih jernih, manakala 8.3 peratus lagi tidak setuju. Menurut Mohamed Saari (2016), sungai yang mengalirkan air jernih dari kawasan hutan menjadi salah satu daya tarikan di HL. Manakala, 93.3 peratus responden bersetuju persekitaran yang nyaman mempengaruhi daya tarikan di HLLT dan 6.7 peratus lagi tidak bersetuju. Hal ini menunjukkan bahawa HLLT ini mempunyai suasana persekitaran yang nyaman ditambah dengan keindahan semula jadi di kawasan tersebut sekaligus menjadikan kawasan tersebut selesa untuk menikmati keindahan semula jadi yang terdapat di HL. Berdasarkan kajian di Tanzania, kejernihan air memberikan satu tarikan kepada pengunjung atau pelancong, ia disokong dengan faktor keperluan masyarakat setempat di Kawasan tersebut yang menjadikan Sungai Rau sebagai tempat pengairan padi dan aktiviti domestik (Mhache, 2019).

Seterusnya, hutan adalah merupakan lokasi yang terbaik untuk menjalankan aktiviti kembara hutan iaitu aktiviti merentas denai hutan. Keindahan alam telah menarik minat pencipta alam semulajadi untuk melibatkan diri dalam aktiviti rekreasi di hutan dengan menjalankan aktiviti penjelajahan hutan (Adli, 2018). Berdasarkan daya tarikan iaitu aktiviti mendaki bukit menunjukkan sebanyak 51.7 peratus mengatakan setuju dan sebanyak 48.3 peratus lagi tidak setuju. Hal ini demikian kerana pandangan responden menunjukkan bahawa dengan menikmati alam sekitar semulajadi sambil melakukan aktiviti menjadikan mereka lebih seronok. Kajian yang dijalankan oleh Ellison et al. (2018) mendapati sebanyak 56 peratus kebanyakan pelancong yang datang ke kawasan tersebut semata-mata untuk mengembara hutan dan berjalan kaki sebagai rekreasi sampingan yang dilakukan. Negara yang mempunyai empat musim, masyarakat

menjalankan rekreasi seperti berbasikal di gunung, bermain ski, sukan equestrian (menunggang kuda berasaskan jejak), Sukan bermotor dan melihat hidupan liar (Luneau, 2019). Aktiviti ini memberikan satu tarikan kepada pengunjung dan pelancong, sekaligus menjadikan aktiviti tersebut menarik yang boleh dilakukan oleh pengunjung atau pelancong.

Salah satu daya tarikan yang terdapat di HLLT ialah penginapan yang terdapat di kawasan tersebut. Menyedari bahawa penginapan di kawasan HL sangat penting kepada pengunjung dan pelancong untuk menginap di kawasan tersebut. Tempat penginapan amat diperlukan oleh pengunjung kerana memudahkan mereka untuk menjalankan sebarang aktiviti bersama kawan-kawan dan ahli keluarga. Berdasarkan kajian di lapangan sebanyak 55 peratus responden bersetuju tempat penginapan amat diperlukan dan 45 peratus responden lagi mengatakan tidak setuju. Walau bagaimanapun, kebanyakan responden tidak menginap di penginapan yang disediakan kerana HLLT berdekatan dengan rumah mereka dan kebanyakan yang penginap adalah pengunjung yang mengadakan program sekolah mahupun jarak rumah yang jauh. Akhir sekali, jambatan gantung HLLT menjadikan salah satu tarikan dikawasan tersebut. Hal ini demikian kerana peratus responden mengatakan setuju bahawa jambatan gantung merupakan salah satu daya tarikan ialah sebanyak 80 peratus dan tidak pula sebanyak 20 peratus. Jambatan gantung HLLT ini diperbuat daripada kayu yang bermutu tinggi dan di lengkapi dengan keselamatan. Jambatan ini juga menjadi simbolik Kawasan di HLLT kerana jambatan gantung ini terletak berhampiran dengan pintu masuk HLLT dan fungsi utama jambatan ini merupakan penghubung jalan antara daratan hutan lipur dengan tempat rekreasi.

Punca kemerosotan jumlah pengunjung

a. Kemudahan infrastruktur

Kemudahan infrastuktur memainkan peranan yang penting akan tetapi kemudahan yang tidak dapat diguna sepenuhnya telah menyumbang kepada kemerosotan jumlah pengunjung ke HL. Berdasarkan pendapat responden, bangku dan meja, tempat sampah, kemudahan air bersih dan lain-lain lagi akan memberikan ketidakselesaan kepada pengunjung apabila kemudahan yang disediakan tidak diselenggara dengan baik. Hal ini secara tidak langsung akan memberikan kesan sampingan kepada pengunjung untuk datang berulang kali ke kawasan tersebut. Sebanyak 46.7 peratus responden setuju dengan kenyataan bahawa kemudahan infrastruktur yang disediakan tidak diselenggara dengan baik. Hal ini demikian kerana kawasan Lata Tembakah masih dalam menaiktaraf kawasan. Oleh hal demikian setengah kemudahan yang disediakan tidak dapat digunakan sepenuhnya oleh pengunjung mahupun pelancong. Walau bagaimanapun, prasarana yang baik akan menambahkan jumlah pengunjung (Zanisah Man & Yeoh, 2019).

Kemudahan kawasan rehat seperti pondok dan tempat duduk sangat diperlukan. Responden yang setuju sebanyak 53.3 peratus. Pondok yang disediakan di kawasan tersebut tidak dapat menampung jumlah pengunjung yang datang dalam tempoh masa tertentu. Kuantiti pondok yang disediakan hanya sedikit dan ini akan memberikan ketidakselesaan kepada pengunjung yang terpaksa berkelah di tebing sungai. Malah, tahap kebersihan tandas menjadi punca kemerosotan jumlah pengunjung. Walau bagaimanapun, jumlah pengunjung yang datang dalam tempoh masa tertentu menyebabkan kebersihan kurang di jaga. Penggunaan yang kerap menyebabkan tandas mudah kotor dan ini akan memberikan ketidakselesaan kepada pengunjung yang menggunakan.

Kemudahan tempat persalinan pakaian sangat diperlukan. Berdasarkan kajian yang

dilakukan, tempat persalinan pakaian yang disediakan selesa dan bersih menunjukkan sebanyak 33.3 peratus setuju. Hal ini demikian kerana tempat persalinan yang disediakan telah diubah suai. Penambahbaikan telah dilakukan bagi memberi keselesaan kepada pengunjung, akan tetapi tempat persalinan ini tidak diguna sebaiknya oleh pengunjung. Berdasarkan pemerhatian walaupun telah diasangkan lelaki dan perempuan tetapi pengunjung tidak mengikut peraturan. Peratus tempat persalinan pakaian yang disediakan tidak bercampur antara lelaki dengan perempuan menunjukkan sebanyak 1.7 peratus sangat tidak setuju. Hal ini jelas menunjukkan bahawa segelintir pengunjung yang datang tidak mengikut arahan yang telah ditetapkan. Sikap pengunjung itu sendiri perlu diubah kerana pengunjung akan lebih selesa saat berkunjung di kawasan rekreasi (Asmoro & Rahayu, 2019)

b. Penjagaan kebersihan

Selain itu, terdapat beberapa gerai jualan yang aktif beroperasi dimana ianya telah disediakan oleh Pentadbiran Pejabat Hutan Daerah Terengganu iaitu sebanyak 4 pintu kedai disediakan yang diusahakan oleh penduduk kampung dan orang luar (dari negeri lain). Akan tetapi tidak semua kedai beroperasi pada waktu yang sama. Berdasarkan tahap kebersihan gerai-gerai jualan tersebut 45 peratus pelancong dan pelanggan berpuas hati dengan tahap kebersihan gerai jualan yang disediakan. Hal ini demikian kerana gerai-gerai ini beroperasi sepenuhnya dan juga pada waktu minggu. Malah pada cuti umum mahupun cuti sekolah gerai ini juga aktif beroperasi. Ini kerana pada waktu minggu (Jumaat dan Sabtu) mahupun pada cuti umum dan cuti persekolahan jumlah pengunjung yang datang bertambah dan hasil yang akan diperolehi oleh pengusaha akan meningkat.

Tong sampah yang disediakan membantu pihak pengurusan untuk mengutip sampah dalam keadaan yang baik. Berdasarkan kajian yang dilakukan di lapangan sebanyak 5.5 peratus responden bersetuju bahawa pihak pengurusan telah menyediakan kelengkapan yang mencukupi dalam menguruskan isu pembuangan sampah. mengelak berlakunya kerosakan dari binatang. Contohnya, tikus, kucing dan sebagainya. Fungsi tong sampah di Kawasan pelancongan juga penting. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan kajian yang dijalankan iaitu sebanyak 56.7 peratus bersetuju bahawa tong sampah dapat berfungsi dengan baik manakala sebanyak 5 peratus lagi tidak bersetuju. Oleh itu penjagaan kebersihan sangat memainkan peranan penting dalam meningkatkan jumlah pengunjung (Ni Komang, 2019).

Langkah menarik pengunjung ke hutan lipur Lata Tembakah

a. Mempergiatkan promosi

Kewujudan sesebuah kawasan bergantung kepada promosi yang dijalankan bagi meningkatkan jumlah pengunjung untuk datang ke sesebuah kawasan. Berdasarkan soal selidik mendapati langkah yang perlu diambil iaitu mempergiatkan promosi melalui media cetak seperti akhbar, poster dan risalah menunjukkan peratus tertinggi sangat setuju dengan kenyataan sebanyak 48.3 peratus. Hal ini demikian kerana promosi melalui media cetak adalah satu langkah yang berkesan. HLLT telah menyediakan beberapa poster dan risalah kepada pengunjung bagi mendedahkan keunikan yang terdapat kawasan tersebut. Pemerhatian di lapangan menunjukkan risalah atau poster diedar sekiranya pengunjung meminta dari pihak pengurusan dan tiada bayaran dikenakan. Malah, kajian yang dijalankan oleh Ellison et al. (2018) melalui perkongsian dari beberapa

pengurus hutan di Amerika Syarikat laman sesawang seperti web membantu kakitangan agensi untuk memberi maklumat secara formal dan dapat menyumbang pelbagai jenis sumber maklumat. Sebagai contoh pemasaran di kawasan hutan Amerika Syarikat.

Selain itu, berdasarkan kajian yang dilakukan mendapati langkah perlu diambil iaitu mempergiatkan promosi ialah melalui media elektronik seperti siaran televisyen menunjukkan sebanyak 43.3 peratus responden bersetuju manakala bagi mempergiatkan promosi melalui media alternatif pula menunjukkan sebanyak 45 peratus responden bersetuju. Hasil kajian menunjukkan media alternatif ini mudah untuk responden mendapatkan sumber rujukan mengenai HLLT sebagai contoh melalui laman web rasmi kerajaan. Seperti Jabatan Peloncongan Negeri Terengganu juga telah menceritakan keunikan yang terdapat di Lata Tembakah dan dapat mendedahkan kepada orang ramai mengenai salah satu HL yang terdapat di Negeri Terengganu. Walau bagaimanapun, orang ramai mengambil gambar dan berkongsi di media sosial juga akan menggalakkan industri pelancongan untuk menarik kewujudan tempat rekreasi (Putra, 2019).

Akhir sekali, kenyataan mengadakan “Hari Mengenal Lata Tembakah” yang disertai dengan karnival atau pelbagai aktiviti menarik bagi menjadikan kawasan ini sebagai tumpuan para pengunjung dan pelancong menunjukkan sebanyak 46.7 peratus sangat setuju dan peratus terendah pula menunjukkan sebanyak 5 peratus sangat tidak setuju. Malah 5 peratus juga mengatakan tidak setuju. Hasil pemerhatian langkah seperti mengadakan “Hari Mengenal Lata Tembakah” perlu di lakukan secara berterusan dari masa ke semasa dan ini dapat menjadikan kawasan tersebut lebih terkenal. Walau bagaimanapun hari mengenal Lata Tembakah perlu diteruskan kerana golongan muda kurang mengenali tempat tersebut dan juga disebabkan faktor lambakan HL yang terdapat di Negeri Terengganu. Menurut Zanisah Man dan Yeoh (2019), selain sajian keindahan alam semulajadi, digalakkan mempelbagaikan aktiviti yang menarik supaya pengunjung tidak merasa bosan.

b. Menyediakan keperluan kepada pengunjung

Kemudahan yang disediakan berfungsi bagi memenuhi keperluan pengunjung dan pelancong seperti penginapan, pengangkutan, perkhidmatan, kesihatan dan kemudahan sokongan lain adalah penting untuk meningkatkan kepuasan para pelancongan dan pengunjung (Nega et al., 2019). Langkah menyediakan keperluan kepada pengunjung ialah menambah bilangan gerai jualan yang menghidangkan pelbagai jenis makanan dan sentiasa beroperasi. Peratus tertinggi iaitu sebanyak 48.3 peratus setuju dengan kenyataan dan peratus terendah pula menunjukkan sebanyak 3.3 peratus sangat tidak setuju. Hal ini menunjukkan bahawa menambah bilangan gerai jualan yang menghidangkan pelbagai jenis makanan dan sentiasa beroperasi terdapat di Lata Tembakah belum mencukupi. Walau bagaimanapun, bagi memenuhi keperluan pengunjung dan pelancong bahan jualan haruslah berbeza dari gerai-gerai yang lain, dan juga setiap gerai yang ada harus beroperasi pada setiap hari bagi menyediakan keperluan kepada pengunjung yang datang.

Selain itu, langkah menyediakan keperluan kepada pengunjung ialah menambahkan bilangan pengawal keselamatan bagi menjaga keselamatan di kawasan HLLT. Menurut Rosniza Aznie & Nur Efazainiza (2019) pengawal keselamatan memainkan peranan penting bagi melakukan pemantauan dengan lebih kerap. Peratus tertinggi menunjukkan sebanyak 50 peratus setuju. Pentadbiran Pejabat Hutan Daerah Terengganu telah menetapkan bilangan pengawal keselamatan di HLLT sebanyak 5 orang. Hal ini demikian disebabkan faktor kewangan yang menyebabkan jumlah pengawal keselamatan terpaksa dikurangkan.

c. Menaiktaraf infrastruktur

Langkah menarik pengunjung ke HLLT ialah menaiktaraf infrastruktur. Menurut Azlizam et al. (2017), ciri-ciri penting dalam menambahbaikan hutan rekreasi ialah aksesibiliti, kemudahan, perkhidmatan dan penyelenggaraan. Menaiktaraf infrastruktur di kawasan Lata Tambakah perlu dilakukan oleh pihak pengurusan HLLT. Sebanyak 55 peratus responden bersetuju dan sebanyak 3 peratus responden tidak setuju bahawa kemudahan infrastruktur di kawasan kajian perlu di tingkatkan. Hal ini demikian kerana barbku, pondok, tandas awam dan sebagainya masih kurang memuaskan. Infrastruktur yang disediakan di kawasan kajian masih belum memenuhi keselesaan kepada pengunjung. Walau bagaimanapun, menurut Imam & Ratna (2020), semakin bagus aksesibiliti atau kemudahan berkunjung ke kawasan hutan rekreasi, maka pengunjung akan merasa lebih selesa untuk melawati tempat berekreasi. Oleh itu, kemudahan infrastruktur di kawasan HLLT ini perlu ditingkatkan supaya pengunjung dapat menggunakan kemudahan yang disediakan dengan selamat.

Selain itu, infrastruktur seperti pondok perlu dipertingkatkan. Pengurusan HLLT perlu membina lebih banyak pondok-pondok kecil untuk menarik perhatian para pengunjung. Berdasarkan pemerhatian di lapangan pondok yang disediakan kepada pengunjung masih tidak mencukupi. Hal ini menyebabkan pengguna terpaksa berkelah di tebing sungai. Walaupun mempunyai wakaf yang besar yang memuatkan 5 keluarga dalam satu-satu masa tetapi mereka tidak ada privasi untuk luang bersama dengan orang tersayang. Menurut Kalulu Ronald et al. (2019), reka bentuk, penggunaan tanah dalam pembangunan pelancongan perlu dalam keadaan baik kerana ianya dapat meningkatkan kualiti lawatan dan dapat menampung keperluan pengunjung. Oleh itu, infrastruktur bentuk pembangunan perlu di ditingkatkan supaya dapat digunakan dengan selamat.

Kesimpulan

Secara keseluhannya, langkah penambahbaikan sebagai usaha menjadikan HLLT sebagai tumpuan semula sangat penting agar semua kemudahan yang disediakan selari dengan kehendak dan keperluan semasa mengunjung. Jesteru itu, keceriaan Kawasan di HLLT perlu ditingkatkan bagi menggalakkan pengunjung untuk datang berulang kali disebabkan keseronakan dalam berekreasi. Malah, dengan menitik beratkan semua aspek HLLT ini mampu menjadi terkenal di persada dunia. Kemampuan HL ini menjadikan satu kekuatan dalam memperkenalkan kepada masyarakat sama ada di dalam negara maupun di luar negara. Kerjasama semua pihak atau penglibatan antara semua pihak juga akan menjadikan kawasan HL ini lebih terkenal. Dalam kajian yang dijalankan ini, pengkaji telah mencapai ketiga-tiga objektif kajian. Secara keseluruhan, maklum balas yang diberikan oleh responden sangat penting untuk dijadikan sebagai rujukan bagi menambahbaik di masa akan datang. Langkah penambahbaikan usaha menjadikan HL sebagai tumpuan semula ini tidak langsung akan mempengaruhi kunjungan ulangan pengunjung ke sesuatu destinasi.

Keperluan dalam usaha penambahbaikan sebagai usaha menjadikan hutan lipur sebagai tumpuan semula adalah usaha secara berterusan terutamanya, Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu bagi memastikan kawasan yang dibangunkan terus mendapat perhatian para pengunjung. Pengkaji turut mendapati kawasan HLLT merupakan kawasan yang strategik untuk membangunkan kawasan perniagaan dan juga tarikan yang terdapat dikawasan tersebut mampu menjadi tarikan utama kepada pengunjung untuk datang. Diharapkan usaha menjadikan HLLT

menjadi tumpuan semula berjaya dilakukan. Pada masa yang sama kebersihan perlu dikekalkan berturusan kerana jika diabaikan akan mengurangkan minat masyarakat untuk berkunjung ke HL. Penyeliaan kawasan perlu dilakukan agar kawasan ini dapat mengekalkan alam sekitar semulajadi dalam keadaan yang baik.

Penghargaan

Penghargaan kepada Geran Penyelidikan FRGS/1/2019/SS07/UKM/02/2 dan FRGS/1/2016/SS07/UKM/03/1 kerana membiayai sebahagian daripada kajian ini.

Rujukan

- Adli, M.S, Mohd Salleh, A., Wirdati, & Muhammad Syakir, S. (2018). Persepsi penggiat rekreasi terhadap aktiviti bekreasi luar yang menjadi keutamaan di Guning Ledang, Taman Negara Johor. *Attarbawity: Malaysia Online Journal of education*, 2(1), 1-9.
- Ahmad Tharmizie Mat Yusof, Jabil Map Jabil, Narimah Samat, & Azizan Marzuki. (2010). Pembangunan Sumber Hutan Sebagai Destinasi Pelancongan Lestari di Pulau Pinang. *Prosiding Perkem v*, Jilid 2. 321-331.
- Angelia, P. (2014). Taman Rekreasi Air di Kecamatan Sungai Kakap. *Jurnal online mahasiswa Arsitektur Universitas Tanjungpura*, 2(2), 89-101.
- Askew, A. E., Bowker, J. M., English, D. B. K., Zarnoch, S. J., & Green, G. T. (2017). A Temporal Importance-Performance Analysis of Recreation Attributed on National Forests: *A Technical Document Supporting the Forest Service Update of the 2010 RPA Assessment*. United States, States Department of Agriculture.
- Asmoro, O. R. J., & Rahayu, S. (2019). Strategi pengembangan Pariwisata Pantai Ngebum Kabupaten Kendal. *Jurnal Teknik PWK (Petencangan Wilayah Dan Kota)*, 8(3), 112-119.
- Azlizam Aziz, Nur Hafizah Idris, Mazlina Jamaludin, Manohar Mariapan, & Zaiton Samsin. (2017). The Attractiveness of Bukit Nanas Recreational Forest as an ecotourism destination as Perceived by foreign visitors. *International Journal of Asian Social Science*. 7(7), 546-556.
- Bell, S. (2005). Forest recreation: New opportunities and challenger for forest manager. *Rad. Umar.inst. Izvanredni broj*. 2007(10), 155-160.
- Bielinis, E., Bielinis, L., Szeluga, S.K., Lukowski, A., & Takayama, N. (2019). The effects of a short forest recreation program on physiological and psychological relaxation in young Polish adults. *Forests*, 10(1), 1-34.
- Ellison, A., White, E.M., & Arnn, M. (2018). *Iconic Places of the U.S. Forest Service: Values, Conditions, Challengers and Opportubities*. United States: Ecosystem Workforce Program.
- Er Ah Choy, Asmahani Atan, Harsuzilawati Muhammed, Zaini Sakawi, & Adam, J. H. (2012). Analisis kelebihan kompetitif ekopelancongan di Mukim Ulu Dong, Raub, Pahang, Malaysia. *Geografia-Malaysia Journal of Society and Space*, 8(8), 158-169.
- Er Ah Choy, Rosniza Aznie Che Rose, Novel Lyndon, Mohd Azlan Abdullah & Adam J.H. (2012). Ekopelancongan dan analisis sosioekonomi komuniti Ulu Dong. *Geografia-Malaysia Journal of Society and Space*, 8(9), 46-52.

- Getzner, M., & Meyerhoff, J. (2020). The benefits of local forest recreation in Austria and its dependence on naturalness and quietude. *Forests*, 2020, 11, 326.
- Gwalema, S. R. (2019). Opportunities for developing sustainable tourism in Njombe Region, Tanzania. *Proceeding of the 2nd International Conference on the Future of Tourism (ICFT) held in Arusha, Tanzania*, April 16-17, 2019.
- Hamdi, A. E., Maryati, M., & Shafiq Hamdin. (2019). The potential of nature tourism at Muar and Tangkak districts, Johor, Malaysia. *International conference on Biodiversity: Earth and Environmental Science*. 269(2019), 1-13.
- Imam, A., & Ratna, G. M. (2020). Kajian atraksi, amenitas dan aksesibilitas untuk pengembangan kpariwisataan di Taman Wisata Alam Gunung Pancar Kabupaten Bogor. *Jurnal Inovasi Penelitian*, 1(2), 707-716.
- Jabatan Perhutanan Negeri Pahang. (2012). Rancangan pengurusan kawasan hutan mempunyai nilai pemeliharaan yang tinggi (HCVF) Lata Jarum. Hutan Simpan Gunung Benom, Raub, Pahang, Malaysia.
- Jabil Mapjabil, Mazdi Marzuki, Rosmiza Mohd Zainol, Ahmad Tharmizie Mat Jusoh & Ruzannna Syamimi Ramli. (2015). Applying sustainability indicators to eco-tourism development: The case of Jeram Linang Amenity Forest, Kelantan. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 11(12), 64-73.
- Jabil Mapjabil, Chan, N.W., Norizan, M.N., Suriani, G., Badariah, A.R., Rosmiza, M.Z., & Mazdi, M. (2015). Attributes of highland ecotourism in Northern Peninsular Malaysia: A case study of resident knowledge. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 11(12), 42-51.
- Khatchenko, N. N., Moiseeva, E. V., & Prochorova, N. L. (2018). Ecosystem Functions of Forest Park Green Belts of Urban Agglomerations as a Factor Improving the Quality of Living Standards in Conditions of Sparsely Wooded Regions. *Proceeding of the International Symposium "Engineering and Earth Sciences: Applied and Fundamental Research" (ISEES 2018)*. 177, 20-25.
- Li, Q., Morimoto, K., Kobayashi, M., Inagaki, H., Katsumata, M., Hirata, Y., Hirata, K., Suzuki, H., Miyazaki, Y., & Krensky, A.M. (2008). Visiting a forest, but not a city, increases human nature killer activity and expression of anti-cancer proteins. *International Journal of Immunopathology and Pharmacology*, 21(1), 117-127.
- Luneau, T. M. (2019). Master's project: Vermont Town forest recreation planning and community assistance program: The future of forest-based outdoor recreation. *Rubenstein School Masters Project Publications*. 20.
- Malaysia. (2018). *Hutan-hutan Lipur di Negeri Terengganu Darul Iman*: Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu. <http://trgforestry.terengganu.gov.my/index.php?lang=my>
- Malaysia. (2020). Prestasi ketibaan pelancong meningkat sebanyak 4.8% bagi tempoh Januari-Mei 2019: Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia <https://www.tourism.gov.my/media/view/prestasi-ketibaan-pelancong-meningkat-sebanyak-4-8-bagi-tempoh-januari-meい-2019>
- Mhache, E. P. (2019). Potentials of Forest on Nature Based Tourism in Tanzania: A Case of Rau Forest Reserve, Moshi Urban District, Kilimanjaro Region. *Proceeding of the 2nd International Conference on the Future of Tourism (ICFT) held in Arusha, Tanzania*, April 16-17, 2019.
- Mohamed Saari. (2016). Damainya Hutan Lipur Sungai Bantang. Utusan Online. <http://www.utusan.com.my/berita/wilayah/johor/damainya-hutan-lipur-sungai-bantang-1.383172> [22 Mac 2020]

- Mohd Kher Hussien, Saiful Arif Abdullah, Chamhuri Siwar & Shaharuddin Mohammad Ismail. (2013). Analisis terhadap pembangunan landskap hutan rekreasi di Selangor Malaysia. *Geografia-Malaysia Journal of Society and Space*, 9(3), 1-11.
- Nega, D., Damtie, M., Workie, A., & Weldesenbet, E. G. (2019). An assessment of ecotourism potential for community based ecotourism development: The case of Alemsaga Priority State Forest, South Gondar, Ethiopia. *African Journal of Hospitality, Tourism and Leisure*. 8(4), 1-18.
- Ni Komang Onik Pratiwi. (2019). Analisis SWOT untuk Meningkatkan Kunjungan Wisata Di Objek Wisata Goa Gajah Desa Bedulu, Kecamatan Blahbatuh, Kabupaten Gianyar Tahun 2017. *Jurnal Pendidikan Ekonomi Undiksha*, 11(1), 1-11.
- Nur Amirah, K.Z., Habibah, A., Er Ah Choy, Nur Atiqah, K.Z., & Hamzah, J. (2016). Pusat pentadbiran Putrajaya sebagai destinasi pelancongan: Satu analisis SWOT produk pelancongan. *Geografia-Malaysia Journal of Society and Space*, 12(13), 74-88.
- Ojala, A., Korpela, K., Tyrväinen, L., Tiittanen, P., & Lanki, T., (2019). Restorative effects of urban green environments and the role of urban-nature orientedness and noise sensitivity: a field experiment. *Journal Heal & Place*, 55, 59-70.
- Paula, A. (2014). Taman Rekreasi Air di Kecamatan Sungai Kakap. *Journal Online Mahasiswa Arsitektur Universitas Tanjungpura*. 2(2), 89-101.
- Plante, T.G., Gores, C., Brecht, C., Carrow, J., Imbs, A., & Willemse, E., (2017). Does exercise environment enhance the psychological benefits of exercise for women? *International Journal of Stress Management*, 14(1), 88-98.
- Putra, R. P., & Razi, A. A. (2019). Value Proposition of Instagrammable Digital Tourism in Forming Brand Identity. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research*. 409, 163-166.
- Ronald, K., Callixte, K., & Emmy, T. (2019). Environmental conservation and its influence on tourism development in Rwanda: Case study of Rwanda Environment Management Authority (REMA). *Proceeding of the 2nd International Conference on the Future of Tourism (ICFT)*. Arusha, Tanzania, April 16-17, 2019.
- Roslan Arifin. (2014). Peranan masyarakat bagi memantapkan pengurusan kawasan hutan lipur: Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. *Malaysian Forestry Conference* 11-12 November 2014.
- Rosniza Aznie, C. R., & Nur Efazainiza, A. B. (2019). Analisis tahap kepuasan pegunjung di taman rekreasi awam Sabah. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 15(4), 336-349.
- Sever, I. (2015). Importance-performance analysis: A valid management tool? *Tourism Management*, 48(6), 43-53.
- Shaharudin & Mohamad Ismail. (2002). *The potential of forest legislation in park management in Peninsular Malaysia*. Kangar: Jabatan Perhutanan Negeri Perlis.
- Shanahan, D.F., Bush, R., Gaston, K.J., Lin, B.B., Dean, J., Barber, E., & Fuller, R.A., (2016). Health benefits from nature experiences depend on dose. *Sci Rep*, 6, 28551 (2016). <https://doi.org/10.1038/srep28551>
- Simkin, J., Ojala, A & Tyrväinen, L. (2020). Restorative effect of manure and young commercial forests, pristine old-growth forest and urban recreation forest – A field experiment. *Journal Urban Forestry & Urban Greening*, 48(2), 1-12.
- Wahida Ayob. (2006). Pengurusan Hutan Rekreasi Sungai Tekala, Hulu Langat, Selangor: Analisis kajian pada hujung minggu. Universiti Utara Malaysia.

Zanisah Man and Yeoh, E.N. (2019). Penyertaan orang Asli dalam aktiviti eko-pelancongan di Tasik Chini, Pahang, Malaysia. *Geograflia-Malaysian Journal of Society and Space*, 15(4), 50-63.